

e-Prosiding **PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA** **2024**

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024



Ditaja Oleh:

e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**
— 2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah
6 - 8 Ogos 2024

@Persatuan Pustakawan Malaysia 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian prosiding ini dalam apa-apa jua bentuk dan cara, samada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Persatuan Pustakawan Malaysia.

PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA
P.O Box 12545
50782 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: (03) 2694 7390 Fax: (03) 2694 7390

Pereka Bentuk Kulit:

Nur Fareesha Aqmal Mohd Rasid

Penyusun:

Siti Azizah Md Nor (UIAM)

Norhidayah Salleh

Dr. Imilia Ibrahim

Dr. Nor Edzan Binti Che Nasir

Sabariah Binti Abd Samad (UiTM Sarawak)

Syazwani Syamimi Binti Mat Pauzi (UTM)

Siti Sumaizan Binti Ramli

Rohaya Binti Umar

e-ISBN: 2805 - 5101

Libraries - Malaysia - Congresses

Libraries and community - Malaysia - Congresses

Libraries sciences - Societies, etc. - Malaysia - Congresses

e-Prosiding
PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA

2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024



UCAPAN ALUAN



e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**

. 2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024



*YBrs Ghazali Mohamed Fadzil, PhD
Presiden
Persatuan Pustakawan Malaysia
(PPM)*

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Saya amat berbesar hati untuk mempersembahkan prosiding Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2024, yang telah berlangsung baru-baru ini di Albukhary International University (AIU). Persidangan tahunan ini sekali lagi membuktikan bahawa ia adalah platform yang amat bermakna untuk berkongsi ilmu pengetahuan, memperkukuhkan lagi kerjasama dan meneroka idea-idea inovatif dalam sektor perpustakaan.

Tema yang diangkat untuk persidangan pada tahun ini, "Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi dan Cemerlang", mencerminkan peranan perpustakaan yang semakin berkembang dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Perpustakaan kini bukan lagi sekadar organisasi yang menguruskan buku; sebaliknya, ia telah menjadi institusi penting dalam pembangunan ilmu, masyarakat, dan sosial. Persidangan ini memberi ruang untuk mengupas peranan baharu ini, membincangkan bagaimana perpustakaan dapat menyesuaikan diri dan berinovasi secara strategik agar kekal relevan dalam era digital yang semakin pantas berkembang.

Fokus utama perbincangan PTPM 2024 adalah berkaitan dengan perkembangan teknologi yang dilihat begitu penting dalam mewujudkan perpustakaan kalis masa hadapan. Namun begitu, transformasi yang sebenar haruslah bermula dengan merubah cara berfikir. Keupayaan untuk berfikir secara strategik, memupuk kerjasama merentas bidang kepakaran dan menerima model baharu dalam perusahaan sosial yang melibatkan semua lapisan masyarakat telah diketengahkan sebagai pemacu utama untuk memastikan perpustakaan terus berkembang pada masa hadapan.

Prosiding ini merangkumi perincian hasil daripada perbincangan dalam bengkel dan pembentangan yang berlangsung sepanjang persidangan ini. Pendapat dan pandangan yang dikongsi oleh pakar, pengamal dan pemimpin yang kritis pasti akan menjadi sumber rujukan yang amat bernilai bagi perpustakaan, pustakawan dan semua pemegang taruh yang mempunyai minat yang mendalam terhadap masa hadapan budaya ilmu.

Bagi pihak jawatankuasa penganjur, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, pembentang, dan rakan strategik atas kerjasama yang diberikan sepanjang Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2024. Penghargaan istimewa juga ditujukan kepada Albukhary International University (AIU) atas kesudian menjadi tuan rumah dan menyediakan kemudahan yang kondusif untuk acara yang bersejarah ini. Semoga ilmu yang dikongsi di sini terus memberi inspirasi dan panduan kepada kita dalam merintis hala tuju masa hadapan perpustakaan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

e-Prosiding
PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA

2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah
6 - 8 Ogos 2024



PENGENALAN PTPM 2024



e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**

2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah

6 - 8 Ogos 2024

Pengenalan PTPM 2024

Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2024 telah berlangsung dengan jayanya di Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah dari 6 hingga 8 Ogos 2024. Dengan tema “Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang”, persidangan ini menghimpunkan lebih 300 peserta dari Malaysia, Indonesia, dan Brunei yang terdiri daripada pustakawan, pengarah perpustakaan, dan ahli industri.

Apa yang menarik, sesi pra-persidangan telah diadakan pada 5 Ogos 2024, memberi fokus kepada penerapan kecerdasan buatan (AI) dalam perkhidmatan perpustakaan. Perbincangan meliputi bagaimana AI dapat membantu pustakawan menyesuaikan perkhidmatan mengikut keperluan pengguna serta memudahkan pengurusan maklumat.

Persidangan ini juga menampilkan 10 sub-tema utama yang merangkumi aspek teknologi, kepimpinan, perkhidmatan berteraskan pengguna, pemeliharaan budaya, pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan harta intelek, dan lain-lain yang mencerminkan kepelbagaian isu dalam dunia kepustakawanan.

Dalam ucapan perasmian, Naib Canselor AIU, YBhg. Professor Dato’ Ir. Dr. Mohd Salleh Jaafar menekankan bahawa perpustakaan perlu bergerak seiring dengan perubahan teknologi dan memahami keperluan generasi digital masa kini. Beliau juga menegaskan bahawa kerjasama dan perkongsian pengetahuan adalah kunci dalam menyesuaikan diri dengan dunia yang semakin kompleks.

Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Dr. Ghazali Mohd Fadzil, dalam ucapan penutupnya menyatakan bahawa PTPM 2024 telah berjaya mencapai objektifnya untuk memperkuat jaringan profesional dan menggalakkan inovasi dalam kalangan pustakawan. Beliau menyifatkan persidangan ini sebagai medan penting untuk berkongsi idea, strategi dan penyelesaian bagi memastikan perpustakaan kekal relevan dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, PTPM 2024 bukan sahaja memberi inspirasi kepada peserta untuk meneroka peluang baharu dalam bidang kepustakawanan, tetapi turut mengukuhkan peranan perpustakaan sebagai hab komuniti yang dinamik dan adaptif. Persidangan ini menandakan satu lagi langkah penting ke arah memperkasakan perpustakaan di seluruh Malaysia dalam menghadapi cabaran masa hadapan.



ISI KANDUNGAN



e-Prosiding
**PERSIDANGAN TAHUNAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA**
2024

"Perpustakaan Mengalis Masa Hadapan: Berinovasi, Beradaptasi, Cemerlang"

Albukhary International University (AIU), Alor Setar, Kedah
6 - 8 Ogos 2024

Table of Contents

SUB THEME 1: INNOVATIVE TECHNOLOGY AND DIGITAL TRANSFORMATION	10
THE FUTURE OF ARCHIVES: EVOLVING ARCHIVAL RECORDS MANAGEMENT SYSTEMS IN THE DIGITAL ERA	11
BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) RESEARCH IN LIBRARY: A STUDY BASED ON SCOPUS DATABASE	16
TRANSFORMASI PENGURUSAN REKOD SEKTOR AWAM NEGERI SARAWAK	27
PEMBUDAYAAN INOVASI TUNJANG KECEMERLANGAN PERPUSTAKAAN MASA HADAPAN	33
DESIGNING A CORPORATE DIGITAL ASSET REPOSITORY	49
SUB THEME 2: USER-CENTRIC SERVICES AND PERSONALIZED EXPERIENCE	58
BEYOND THE WORDS: READING ALOUD AND TEACHERS' SENSE-MAKING IN PUBLIC ELEMENTARY SCHOOLS SIDOARJO	59
ONE SPACE FITS ALL: FROM A BASIC LIBRARY TO A KNOWLEDGE AND INFORMATION HUB	71
PERPUSTAKAAN MENGALIS MASA HADAPAN - BERINOVASI, BERADAPTASI, CEMERLANG: PERPUSTAKAAN DAN RUANG SOSIAL	78
LIBRARY AS A FORUM TO DISSEMINATE LEGISLATION IN IT ILLITERATE SOCIETY	95
PEMBANGUNAN REPOSITORI PENYELIDIKAN UNIMAP BERASASKAN PERISIAN SUMBER TERBUKA : CURRENT RESEARCH INFORMATION SYSTEM (CRIS)	103
PERKHIDMATAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DI	116
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG (PPAPP)	116
SUB THEME 3: LIFELONG LEARNING AND CONTINUING EDUCATION	121
PENGALAMAN PUSTAKAWAN UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA DALAM MENAVIGASI MAKLUMAT KETENTERAAN DAN KESELAMATAN	122
LIMITED TIME, BIG IMPACT: OPTIMIZING LIBRARY INSTRUCTION MODULES IN SWINBURNE SARAWAK LIBRARY	131
PERPUSTAKAAN SEBAGAI PUSAT KOMUNITI DALAM HAB SOSIAL	148
GRUP PENGKARYA PUSTAKAWAN: KOLABORASI WARGA PERPUSTAKAAN MELALUI PENULISAN KE ARAH PEMBANGUNAN PROFESIONAL DAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT	162
PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA (PTSFP) 2025: STRATEGI KEKAL RELEVAN DAN BERDAYASAING	180
SUB THEME 4: CULTURAL PRESERVATION AND DIVERSITY	188
ARCHIVING TODAY'S KNOWLEDGE AND RECORDS FOR TOMORROW ACCESSIBILITY AND BROWSING (AKRAB): PRESERVING LOCAL COMMUNITY HERITAGE AND HISTORY AT DARUL HANA SETTLEMENT PROJECT THROUGH CONSERVATION AND DIGITIZATION PROGRAM	189
PEMELIHARAAN PELAN LUKISAN BANGUNAN MINDEN BARRACKS: INISIATIF PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	197
NASKHAH MANUSKRIP MELAYU KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA SEBAGAI KHAZANAH DAN KEPELBAGAIAN CITRA BUDAYA BANGSA MALAYSIA	205
LIBRARY AS SUPPORTER OF INDIGENOUS KNOWLEDGE AND RESOURCES: SOCIOLOGICAL PERSPECTIVE ON CULTURAL IDENTITY PRESERVATION	220

UNIVERSITY ARCHIVES AS CUSTODIANS OF INSTITUTIONAL HERITAGE	227
GALERI DIGITAL PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA: TRANSFORMASI DIGITAL DALAM PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN GALERI PAMERAN UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)	234
PUSAT WARISAN INTELEK NEGERI PAHANG	246
PELESTARIAN BAHAN NADIR KOLEKSI PULAU PINANG (KPP): PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG (PPAPP) SEBAGAI WARISAN DIGITAL	250
SUB THEME 5: COMMUNITY AND SOCIAL SPACES	262
PROGRAM SUMBANGAN BUKU	263
LITTLE BAD WOLF YANG DIGERAKKAN OLEH PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA (PUM)	263
SOCIAL AFFORDANCE OF COLLABORATIVE LEARNING SPACES:	266
AN IMPACT SURVEY ON UNIVERSITI TENAGA NASIONAL INFORMATION RESOURCE CENTRE (UNITEN IRC) STUDENTS	266
LIBRARY IN THE SHIP CAMPUS	282
PERANAN PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH DALAM INISIATIF UTHM PRIHATIN: STRATEGI, SINERGI DAN IMPAK	300
ENHANCING EDUCATIONAL RESOURCES AND SUSTAINABILITY: THE NEED PROJECT ON RURAL SCHOOL LIBRARIES IN KEDAH, MALAYSIA.	315
A SOCIAL BUSINESS, AS DEFINED BY PROFESSOR MUHAMMAD YUNUS, IS A BUSINESS CREATED TO SOLVE SOCIAL ISSUES IN A FINANCIALLY SUSTAINABLE WAY. A SOCIAL BUSINESS IS ESTABLISHED PRIMARILY TO PURSUE SOCIAL OR ENVIRONMENTAL GOALS RATHER THAN PERSONAL ECONOMIC GAIN. ANY BUSINESS THAT FOLLOWS THESE SEVEN PRINCIPLES IS CATEGORIZED AS A SOCIAL BUSINESS (YUNUS & WEBER, 2007). THE SEVEN PRINCIPLES ARE AS TABLE 1.1 BELOW:	321
SUB THEME 6: STRATEGIC LEADERSHIP AND CHANGE MANAGEMENT	329
THE PROFESSIONAL IDENTITY OF UNIVERSITY LIBRARY LEADERS – AN EMPIRICAL ANALYSIS OF JOB ADVERTISEMENTS	330
BUDAYA ORGANISASI CEMERLANG : MEMPERKASA PERPUSTAKAAN UTM MELALUI NILAI TERAS ISES	353
PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAAN:	365
SEJAUH MANA PERPUSTAKAAN MENYOKONG ASPIRASI KERAJAAN UNTUK KALIS MASA HADAPAN	365
PERPUSTAKAAN SEBAGAI HAB VIBRAN:	376
PERANAN KEPIMPINAN PUSTAKAWAN KALIS MASA DEPAN	376
INOVASI DAN PENGUKUHAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN: PERKONGSIAN PENGALAMAN OLEH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK	386
PENTAKSIRAN PEMBAZIRAN DAN ANALISIS KESAN:	402
KERANGKA DAN TEKNIK LEAN-KAIZEN DI PERPUSTAKAAN	402
SUB THEME 7: DATA DRIVEN DECISION MAKING	412
WHAT CAN MALAYSIA LEARN FROM A BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF INTEGRATING HUMAN PREFERENCES AND DATA-DRIVEN DECISION-MAKING?	413
A DECADE OF AGRICULTURAL RESEARCH: BIBLIOMETRIC ANALYSIS OF MALAYSIAN PUBLICATIONS (2015-2024)	434
PENGARUH FAKTOR KUALITI PERKHIDMATAN LIBQUAL+ TERHADAP KEPUASAN PELANGGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PASCA PANDEMIK	454

SUB THEME 8: COLLABORATIVE AND NETWORKED SERVICES **465**

PERANAN PUSTAKAWAN DAN PERPUSTAKAAN UNTUK KETERLIHATAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI: KAJIAN KES UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA	466
KOLABORASI SERTA PERANAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) DALAM PROJEK PENDOKUMENTASIAN SECARA KOMPREHENSIF PENGETAHUAN TRADISI MELAYU BERKAITAN TUMBUHAN UBATAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA	486
BACA@PADDY'S COFFEE HOUSE: PENDEKATAN BAHARU SUDUT BACAAN DI STESEN MINYAK	500
STRATEGIK KOLABORASI DI PERPUSTAKAAN GUNASAMA,	509
HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH	509

SUB THEME 9: ECONOMIC MODELS AND FUND STRATEGIES **520**

TABUNG WAKAF: WADAH KELESTARIAN KEWANGAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	521
GERAN PENERBITAN: INISIATIF KELESTARIAN KEWANGAN SOKONGAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	539
ASSESSING TRANSFORMATIVE AGREEMENTS (TAs) OPTION: BENEFITS, DRAWBACKS, AND STRATEGIC FIT	548
HASIL BERBUDI KEPADA TANAH: KONSEP KEBUN KITA SERTA IMPAKNYA KEPADA SOSIOEKONOMI KOMUNITI SETEMPAT DI KG. LINDUNGAN, PETALING JAYA	560

SUB THEME 10: **573**

INTELLECTUAL PROPERTY MANAGEMENT IN THE DIGITAL AGE **573**

PENGURUSAN HAK CIPTA DATA PENYELIDIKAN: PERANAN PERPUSTAKAAN DAR AL-HIKMAH, UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)	574
INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS AND CULTURAL HERITAGE IN SARAWAK: PRESERVATION THROUGH EDUCATION	593

Pengurusan Hak Cipta Data Penyelidikan: Peranan Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Siti Azizah Md Nor^{1*}, Anis Aziyah Azhar²

¹Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

²Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Malaysia

E-mel*¹sitiazizah@iium.edu.my, ²anisaziyah@iium.edu.my

ABSTRAK

Dalam era digital, pengurusan harta intelek menjadi semakin penting, khususnya dalam konteks penyelidikan akademik. Unit Hak Cipta yang diwujudkan pada Julai 2020, di bawah Bahagian Sokongan Penyelidikan memainkan peranan yang besar dalam membantu penyelidik menguruskan hak cipta data penyelidikan mereka dengan berkesan dan dilindungi oleh undang-undang. Kertas persidangan ini membincangkan peranan pustakawan serta beberapa cabaran dan amalan terbaik yang dilakukan oleh Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam menawarkan perkhidmatan untuk menguruskan permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta kepada pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), pengurusan hak cipta data penyelidikan, termasuk khidmat nasihat, pendaftaran hak cipta, perlindungan data serta pengurusan perkongsian dan penerbitan. Melalui program kesedaran, panduan bertulis, bantuan pendaftaran hak cipta dan pembangunan repositori data penyelidikan, Perpustakaan Dar al-Hikmah memainkan peranan penting dalam memastikan hasil penyelidikan dilindungi, data disimpan dengan selamat, dan penyelidik dapat berkongsi serta menerbitkan hasil penyelidikan mereka dengan mematuhi peraturan yang ada. Dengan sokongan yang disediakan oleh Unit Hak Cipta, penyelidik dapat menumpukan perhatian kepada inovasi dan penyelidikan tanpa perlu risau tentang isu-isu hak cipta dalam penyelidikan mereka.

Kata Kunci: Pengurusan Harta Intelek, Hak Cipta, Perpustakaan, Perlindungan Data, Data Penyelidikan

ABSTRACT

In the digital era, intellectual property management is becoming increasingly important, particularly in the context of academic research. The Copyright Unit, established in July 2020 under the Research Support Section, plays a significant role in assisting researchers in effectively managing the copyright of their research data and ensuring it is protected by law. This paper discusses the role of librarians as well as the challenges and best practices adopted by the Dar al-Hikmah Library, International Islamic University Malaysia (IIUM), in offering services for managing Copyright Voluntary Notification applications to the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO), managing research data copyrights, including advisory services, copyright registration, data protection, and the management of sharing and publication. Through awareness programs, written guides, copyright registration assistance, and the development of research data repositories, the Dar al-Hikmah Library plays a crucial role in ensuring that research outputs are protected, data is securely stored, and researchers can share and publish their findings in compliance with existing regulations. With the support provided by the Copyright Unit, researchers can focus on innovation and research without worrying about copyright issues in their work.

Keywords: Intellectual Property Management, Copyright, Library, Data Protection, Research Data

PENDAHULUAN

Pengurusan hak cipta data penyelidikan merujuk kepada proses dan strategi yang digunakan untuk melindungi, mengurus, dan mengawal penggunaan data penyelidikan dari segi hak cipta dan harta intelek. Hal ini dilihat penting dalam memastikan bahawa hak pencipta dan penyelidik diiktiraf dan dilindungi bagi mengelakkan pelanggaran atau penyalahgunaan data penyelidikan yang telah diperolehi.

Dalam pengurusan hak cipta, aspek utama yang tidak boleh dipandang ringan adalah mengenalpasti siapa yang memiliki hak cipta terhadap data penyelidikan. Kebiasaannya hak ini diberikan kepada penyelidik utama atau institusi penyelidikan. Penetapan hak yang dimaksudkan adalah menentukan hak cipta terhadap data yang dihasilkan dalam penyelidikan, seperti set data, analisis, dan hasil penyelidikan.

Dalam hal ini, penyelidik perlu bertindak untuk mendaftar hak cipta dan memastikan semua dokumen berkaitan dengan hak cipta seperti kontrak, persetujuan, dan perjanjian yang berkaitan dengan hak cipta dan penggunaan data penyelidikan disimpan dengan baik.

Antara aspek yang tidak kurang pentingnya dalam pengurusan hak cipta adalah menguruskan lesen dan menetapkan syarat-syarat bagi akses kepada data penyelidikan, penggunaan data penyelidikan oleh penyelidik lain dan pengedaran data tersebut. Dengan kata lain, lesen yang jelas membantu dalam memastikan bahawa semua pihak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

LATAR BELAKANG

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah ditubuhkan pada 3 Mac 2003 dengan berkuatkuasanya Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002. MyIPO adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pembangunan sistem harta intelek serta bertindak sebagai agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). MyIPO mentadbir dan menguatkuasakan Perundangan Harta Intelek yang terdiri daripada Akta Cap Dagangan 2019, Akta Paten 1983, Akta Hak Cipta 1987, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, Akta Petunjuk Geografi 2000 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sebagai universiti awam, adalah menjadi tanggungjawab sesebuah universiti untuk menggalakkan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan ahli akademik dan pelajar. Justeru, dengan adanya Akta Hak Cipta 1987, pelbagai hasil penulisan dan kajian dapat dilindungi oleh akta ini yang mana MyIPO adalah berperanan sebagai agensi tunggal yang menyediakan perkhidmatan pendaftaran harta intelek.

Sehubungan itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengambil inisiatif mewujudkan sebuah unit yang mampu melindungi karya akademik, penyelidikan, dan inovasi yang dihasilkan oleh staf dan pelajar termasuklah penerbitan, artikel, modul, dan karya lain yang bernilai dari segi intelektual.

Unit Hak Cipta yang ditubuhkan pada Julai 2020, di bawah Bahagian Sokongan Penyelidikan, Perpustakaan Dar al-Hikmah memainkan peranan yang besar dalam membantu penyelidik menguruskan hak cipta data penyelidikan mereka dengan berkesan dan dilindungi oleh undang-undang. Ini secara tidak langsung memberi peranan baru kepada pustakawan dalam meningkatkan kemahiran dan bidang kerja yang menyumbang ke arah sokongan penyelidikan dan inovasi.

Antara kepentingan hak cipta adalah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya perlindungan harta intelek terutama untuk mengelakkan plagiat, kecurian maklumat atau

data dan juga melindungi sesuatu idea. Di dalam konteks UIAM, hak cipta yang didaftarkan adalah terdiri daripada laporan hasil penyelidikan dan inovasi, penulisan dalam bidang pengkhususan, data yang telah diterbitkan dan tidak diterbitkan, modul dan garis panduan serta kajian yang mempunyai nilai komersial dan juga data berbentuk formula, set data, dan kod.

Unit Hak Cipta yang ditubuhkan pada Julai 2020, di bawah Bahagian Sokongan Penyelidikan, Perpustakaan Dar al-Hikmah memainkan peranan yang besar dalam membantu penyelidik menguruskan hak cipta data penyelidikan mereka dengan berkesan dan dilindungi oleh undang-undang. Ini secara tidak langsung memberi peranan baru kepada pustakawan dalam meningkatkan kemahiran dan bidang kerja yang menyumbang ke arah sokongan penyelidikan dan inovasi.

Antara kepentingan hak cipta adalah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya perlindungan harta intelek terutama untuk mengelakkan plagiat, kecurian maklumat atau data dan juga melindungi sesuatu idea. Di dalam konteks UIAM, hak cipta yang didaftarkan adalah terdiri daripada laporan hasil penyelidikan dan inovasi, penulisan dalam bidang pengkhususan, data yang telah diterbitkan dan tidak diterbitkan, modul dan garis panduan serta kajian yang mempunyai nilai komersial dan juga data berbentuk formula, set data, dan kod.

Unit ini memberi sumbangan yang besar kepada pihak universiti dalam memastikan bahawa semua produk akademik dan bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tidak melanggar hak cipta orang lain. Hal ini sangat penting untuk mengelakkan masalah undang-undang yang mungkin timbul akibat daripada penggunaan bahan yang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dari segi hak cipta.

Selain daripada itu, Unit Hak Cipta mengetengahkan lagi peranannya dalam mendidik pelajar dan staf tentang kepentingan hak cipta, cara-cara mematuhi undang-undang hak cipta, dan hak-hak yang mereka ada sebagai pencipta sekaligus boleh memupuk budaya menghormati hak harta intelek dalam komuniti UIAM.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, plagiat bermaksud mencedok kata-kata, idea dan sebagainya daripada orang lain dan menggunakannya sebagai karyanya sendiri. Dalam bidang akademik, gejala plagiat oleh pelajar dan penyelidik dianggap sebagai penyelewengan akademik dan pesalah boleh dikenakan hukuman berat oleh universiti. Sesetengah individu yang ditangkap kerana meniplak dalam penulisan akademik adalah kerana kegagalan mereka mengemukakan petikan serta sumber rujukan bagi penyelidikan yang dihasilkan. Dalam era digital, di mana rencana dipaparkan di dalam bentuk tekselektronik, menjadikan perbuatan menyalin hasil kerja orang lain lebih mudah. Cetak rompak pula bermaksud perbuatan menerbitkan hasil ciptaan atau karya penulis, pemuzik dan penyanyi tanpa kebenaran dan secara haram. Keadaan ini adalah melanggar hak pemilik di mana bahan-bahan yang dilindungi hak cipta digunakan sewenang-wenangnya tanpa izin.

Melalui program kesedaran, panduan bertulis, bantuan pendaftaran hak cipta dan pembangunan repositori data penyelidikan, Perpustakaan Dar al-Hikmah memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan hasil penyelidikan para penyelidik UIAM dilindungi. Dengan sokongan yang disediakan oleh Unit Hak Cipta, penyelidik dapat menumpukan perhatian kepada inovasi sejajar dengan tujuan Dasar Harta Intelek Negara iaitu untuk memanfaatkan harta intelek sebagai enjin pertumbuhan yang baru untuk meningkatkan kemakmuran ekonomi dan sosial.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan peranan pustakawan serta beberapa cabaran dan amalan terbaik yang dilakukan oleh Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam menawarkan perkhidmatan untuk menguruskan permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta kepada pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), pengurusan hak cipta data penyelidikan, termasuk khidmat nasihat, pendaftaran hak cipta, perlindungan data serta pengurusan perkongsian dan penerbitan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk menilai perkhidmatan pengurusan harta intelek khususnya pendaftaran hak cipta yang disediakan oleh Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM. Disamping itu, untuk menilai sejauh mana keberkesanan perkhidmatan ini adalah melalui tinjauan maklum balas penyelidik tentang perkhidmatan yang diberikan oleh Perpustakaan Dar al-Hikmah kepada mereka.

Selain daripada itu, kajian ini dapat memastikan kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan pendaftaran hak cipta diambil kira bagi menjamin keselamatan data penyelidikan dan hasil penerbitan penyelidik.

SOROTAN LITERATUR

Perubahan peranan perpustakaan akademik perlu dititik beratkan dengan mengambil kira faktor pengguna, teknologi dan inovasi yang semakin maju. Revolusi digital telah mengubah cara maklumat dicipta, diakses dan disebarkan. Akses terbuka dan peraturan hak cipta mempunyai impak yang besar terhadap penerbitan ilmiah dan perkhidmatan di perpustakaan. Pustakawan perlu sentiasa menambah pengetahuan tentang penerbitan akses terbuka, pematuhan hak cipta, dan isu harta intelek untuk membantu dan memberi panduan kepada penyelidik (Stevens, 2015).

Awasthy et al. (2020) dalam kajiannya menekankan keperluan rangka kerja yang komprehensif untuk meningkatkan keberkesanan kerjasama antara universiti dan industri. Banyak langkah sedia ada dan amalan terbaik memfokuskan pada aspek tertentu seperti pemindahan teknologi dan harta intelek tetapi terdapat kekurangan pada pendekatan holistik. Menurutnya, kerjasama universiti dan industri akan lebih berkesan jika pengurusan harta intelek ditingkatkan bagi mencapai hasil dan mengoptimumkan usaha kolaboratif.

Malliari et al. (2022) telah membuat kajian tentang perundangan hak cipta kepada platform digital untuk menyediakan mekanisme perlindungan data seperti melindungi maklumat peribadi, maklumat sulit atau sensitif dan jika berlaku pelanggaran hak cipta. Di Greece, organisasi seperti Perpustakaan Negara Greece, Pusat Dokumentasi, dan Pusat Media dan Audiovisual memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada pencipta dan penyedia platform digital tentang hak cipta dan perlesenan. Di dalam kajian tersebut menyatakan untuk memastikan data dilindungi, perkhidmatan penstriman dan repositori adalah digalakkan untuk menggunakan dan mematuhi piawaian bahan yang boleh di muat naik ke laman tertentu. Hasilnya, perundangan sedia ada akan dilaksanakan dengan lebih baik dan dapat memberi keuntungan kepada semua pihak.

Nguyen et al. (2021) telah membuat penilaian tentang kesan kepercayaan individu dan organisasi terhadap perlindungan harta intelek. Semakin tinggi tahap kepercayaan, semakin tinggi sesebuah negara dapat menghalang dan menangani kecurian harta intelek. Kajian ini juga menyediakan pemahaman kepada penggubal dasar untuk mewujudkan dan menambah baik fungsi undang-undang harta Intelek kerana dapat merangsang pembangunan ekonomi serta menggalakkan penyelidikan dan aktiviti inovatif.

Congjing, Kai and Le (2021) membincangkan tentang cadangan dalam menangani isu pembinaan sistem harta intelek iaitu 'Wuhan University Intellectual Property Information Service System (WHU-IPISS)'. Di Universiti Wuhan, sistem ini menyediakan pelbagai

perkhidmatan harta intelek termasuk Paten, Cap Dagangan dan Hak cipta yang disokong oleh para profesional. Pasukan penyelidik terdiri daripada pustakawan, Pakar harta intelek dan beberapa institusi terlibat dalam menyiapkan repositori ini. Menurut, institusi pengajian tinggi seperti universiti terutamanya perpustakaan universiti berada dalam kedudukan yang berpotensi untuk mengumpul sumber maklumat dan menyatupadukan kakitangan profesional. Sistem harta intelek ini sebaik sahaja dibangunkan akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan sistem perkhidmatan harta intelek awam dan mempromosikan kajian saintifik dan inovasi.

Noor Hidayah et al. (2023) di dalam kajiannya mendapati harta intelek yang dikomersialkan oleh universiti memberi impak sosial dan ekonomi. Ia juga menggalakkan perkongsian dan penyebaran ilmu daripada para penyelidik kepada aplikasi praktikal di samping menjana peluang pekerjaan dan kebolehpasaran graduan. Pengkomersialan harta intelek di universiti adalah lebih kompleks kerana ia melibatkan pihak akademik dan pihak berkepentingan seperti ahli perniagaan dan usahawan. Mereka mesti berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem pengkomersialan untuk membawa teknologi ke pasaran.

KAEDAH

Bagi menghasilkan kertas kerja ini, penulis menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian literatur untuk memahami latar belakang dan kerangka teori mengenai hak cipta dan peranan pustakawan dalam pengurusan hak cipta. Kaedah ini dijalankan dengan menyemak artikel jurnal, dan laporan mengenai hak cipta, pengurusan hak cipta, dan peranan pustakawan.

Penulis juga membuat analisis dokumen dan bahan yang berkaitan dengan pengurusan hak cipta di UIAM seperti panduan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak perpustakaan berkaitan dengan hak cipta serta laporan yang disediakan oleh Unit Hak Cipta, Bahagian Sokongan Penyelidikan, Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM. Maklumat juga diperolehi daripada temu bual secara tidak langsung dengan kakitangan perpustakaan dan penyelidik UIAM. Data yang terkumpul dibuat analisis untuk mengenal pasti amalan terbaik dalam pengurusan hak cipta data penyelidikan.

Selain daripada itu, penulis membandingkan amalan pengurusan hak cipta di UIAM dengan universiti-universiti lain dalam negara dan luar negara, iaitu Australia. Perbandingan ini memberi peluang kepada penulis mengenal pasti beberapa universiti atau institusi pendidikan lain yang mempunyai unit hak cipta atau pustakawan yang terlibat dalam pengurusan hak cipta.

Tidak ketinggalan juga, penulis menggunakan kaedah pemerhatian terutamanya apabila berurusan dengan para penyelidik UIAM berhubung pendaftaran hak cipta, khidmat nasihat, program kesedaran dan lain-lain lagi. Pemerhatian yang dibuat turut merangkumi maklum balas yang diterima daripada para penyelidik hasil daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Unit Hak Cipta, Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM.

PERBINCANGAN

Pengurusan hak cipta data penyelidikan adalah komponen penting dalam memastikan keaslian dan perlindungan intelektual hasil kerja penyelidik dan ahli akademik. Perpustakaan Dar al-Hikmah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah memperlihatkan kepimpinan dalam mengurus hak cipta data penyelidikan melalui pendekatan yang inovatif dan adaptif. Namun, bagaimana amalan di UIAM dibandingkan dengan universiti lain di dalam dan luar negara? Dalam menghasilkan kertas kerja ini, penulis membuat perbandingan amalan pengurusan hak cipta di UIAM dengan institusi pendidikan lain serta mengenal pasti

beberapa universiti atau institusi yang mempunyai unit hak cipta. Namun begitu, setakat kajian ini dijalankan, hanya UIAM sahaja yang menempatkan Unit Hak Cipta di perpustakaan universiti yang mana melibatkan pustakawan dalam pengurusan hak cipta data penyelidikan seperti dalam jadual di bawah.

No	University	Department manage Intellectual Property
1	UITM	Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM)
2	UKM	Centre for Innnovation dan Technology Transfer (INOVASI@UKM)
3	UM	UM Centre of Innovation & Enterprise (UMCIE)
4	UTM	UTM Innovation and Commercialisation Centre
5	UPM	Putra Science Park
6	USM	Centre for Innovation & Consultation
7	IIUM	Dar al-Hikmah Library
8	UPNM	Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
9	UTHM	Innovation and Commercialisation Centre (ICC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
10	UUM	Innovation and Commercialisation Centre (ICC)
11	USIM	Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi
12	UMT	Innovation & Commercialization Centre (ICC), Universiti Malaysia Terengganu
13	UMK	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Malaysia Kelantan
14	UNIMAS	Research, Innovation and Enterprise Centre (RIEC)
15	UMS	Pusat Pengurusan Inovasi Dan Pengkomersialan (PPIP), Universiti Malaysia Sabah
16	USIM	Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Sains Islam Malaysia Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE, Universiti Teknikal Malaysia Melaka
17	UTEM	Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE, Universiti Teknikal Malaysia Melaka
18	UNITEN	Innovation and Research Management Centre (iRMC)
19	UPSI	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
20	UniSZA	Center for Research Excellence & Incubation Management (CREIM)
21	UMPSA	Research & Innovation Department Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
22	UniMAP	Centre For Innovation And Commercialization (CIC)

Jadual 1: Senarai universiti di Malaysia yang mempunyai Unit Hak Cipta.

Berlainan pula halnya dengan beberapa universiti di luar negara yang menggunakan khidmat pustakawan dalam pengurusan hak cipta. Contohnya, kebanyakan universiti di negara Australia menempatkan unit hak cipta di perpustakaan mereka yang mana tugas pustakawan menguruskan hak cipta bahan-bahan ilmiah yang diterbitkan, melindungi penerbitan universiti, menyediakan khidmat nasihat berkaitan isu-isu hak cipta dan menyediakan program yang berkaitan dengan polisi hak cipta dalam kajian penyelidik.

Ini menunjukkan, penempatan Unit Hak Cipta di perpustakaan dan diuruskan oleh pustakawan di luar negara adalah tidak asing lagi. Pustakawan juga memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan aktiviti penyelidikan dan mempromosikan kajian saintifik dan inovasi. Di samping itu, secara tidak langsung beberapa amalan terbaik yang boleh dicontohi dan diambil panduan daripada universiti luar negara dapat menjadi panduan buat perpustakaan di Malaysia.

No	University	Department/PIC	Services
1	Curtin University Library	Library Copyright Team Name: Lydia Dawe Email: Library-Copyright@curtin.edu.au Website: https://www.curtin.edu.au/copyright/	These resources are developed for Curtin staff and students to assist in understanding their obligations and entitlements regarding copyright. They provide general information only and should not be used for legal advice.
2	Deakin University Library	Copyright Team Email: copyright@deakin.edu.au Website: https://www.deakin.edu.au/library/help/copyright	The Copyright Team provides copyright help to everyone within Deakin. We manage Deakin University copyright and external requests to use University works.
3	Monash University Libraries	university.copyright@monash.edu	Copyright at Monash Copyright plays an important role in preserving creativity, innovation, and academic integrity within our educational and research community.

4	Queensland University of Technology (QUT) Library	Cameron Rutter Email: qut.copyright@qut.edu.au Website: https://www.library.qut.edu.au/about/whatwedo/support-researchers/	We provide general information and advice on copyright issues to the University community, as well as information sessions and workshops: • for teaching and teaching support • for researchers and creative practitioners (offered through the Research skills program) • tailored to the specific concerns of staff in your department or school (including attendance at staff meetings) • to your students as part of your lectures.
5	The University of Sydney Library	Copyright Services Email: copyright@sydney.edu.au Website: https://www.library.sydney.edu.au/help/copyright/about-us.html	• Copyright Services provides current University staff and students with information, resources, practical assistance and training about using copyright material for

			education and research. • Running copyright information and awareness sessions for University staff and higher degree by research students throughout the year.
6	The University of Adelaide Library	Library services (Copyright Advice) Email: library@adelaide.edu.au Website: https://www.adelaide.edu.au/library/library-services/copyright-advice	Get knowledgeable and friendly advice on a whole range of copyright issues, including using and creating copyright material for teaching, author rights, open educational resources, Creative Commons licences, and how to make research more accessible through incorporating open access principles.
7	University of Melbourne Library	Copyright Office Email: copyright-office@unimelb.edu.au Name: Wil Villareal Email: vv@unimelb.edu.au	The University Copyright Office works with staff and students to maximise the permitted uses of copyright material for education and research. In so


			doing, we seek to ensure that the University community complies with copyright obligations. Copyright Office staff provide online information and resources, assistance with queries and training and awareness sessions.
8	The Victoria University library	Research Support (Copyright) Name: Ingrid Unger Email: ingrid.unger@vu.edu.au Website: https://www.vu.edu.au/library/get-help/copyright-intellectual-property For assistance: Copyright Officer on library.copyright@vu.edu.au or by phone on +61 3 9919 5958.	Victoria University's (VU) Copyright Policy(external link) provides a framework for university staff and students for using third party copyright material for educational and research purposes. The Library offers access to guides and information about referencing and the use of copyright materials, as well as references tools and programs.

Jadual 2: Senarai perpustakaan universiti di Australia yang mempunyai Unit Hak Cipta.

Pendaftaran Hak Cipta


Berdasarkan statistik yang diperolehi, sasaran universiti sebanyak 140 pendaftaran hak cipta dalam kalangan penyelidik UIAM setiap tahun berjaya dicapai. Rajah di bawah menunjukkan jumlah pendaftaran hak cipta penyelidik UIAM. Sebanyak 623 permohonan hak cipta telah

berjaya diproses sepanjang tahun 2020 hingga 2023.



Rajah 1: Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta yang diperolehi bagi tahun 2020 sehingga 2023

Jadual di bawah ini pula menunjukkan jumlah permohonan hak cipta yang diperolehi selepas Penilaian Taksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA) yang mana digunakan untuk menilai kapasiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan. Bagi tempoh tahun 2020 sehingga 2023 sebanyak 450 permohonan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MyRA untuk pemarkahan.



Rajah 2: Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta yang diterima oleh Penilaian Taksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA) bagi tahun 2020 sehingga 2023

Pada tahun 2021, sebanyak 178 permohonan berjaya didaftarkan namun hanya 57 permohonan yang mendapat pemarkahan MyRA disebabkan tidak memenuhi kriteria pemarkahan yang ditetapkan. Sehubungan itu, pada tahun 2022, pustakawan melakukan inisiatif dengan memberi khidmat nasihat, menyediakan senarai semak, memberi penerangan tentang bahan yang boleh didaftarkan serta penambahbaikan penulisan supaya hak cipta tersebut diterima oleh MyRA.

Hasilnya, berlaku peningkatan yang drastik bagi tahun 2022 di mana sebanyak 154 permohonan telah diterima oleh MyRA untuk pemarkahan. Hal ini menggambarkan peranan

pustakawan amat diperlukan dalam memberi khidmat nasihat dan pelbagai inisiatif dilakukan telah memberi impak yang besar kepada pemarkahan MyRA sekaligus meningkatkan markah UIAM dalam penarafan universiti di Malaysia.

Pustakawan dan pembantu perpustakaan adalah penting untuk meningkatkan kepercayaan penyelidik untuk mendaftarkan hasil penyelidikan mereka. Melalui program kesedaran, panduan bertulis dan bantuan sokongan yang diberikan kepada penyelidik secara tidak langsung memberi impak positif apabila lebih banyak pendaftaran diterima dari tahun ke tahun. Beberapa tahun kebelakangan ini, kakitangan di Bahagian Sokongan Penyelidikan, Perpustakaan Dar al-Hikmah yang terdiri daripada empat pustakawan dan empat orang pembantu perpustakaan serta seorang pembantu tadbir mula dikenali dalam kalangan penyelidik UIAM. Pasukan ini juga telah berjaya membina hubungan baik yang kukuh dengan para penyelidik melalui perkhidmatan yang ditawarkan.

Hal ini juga jelas terbukti apabila berlaku peningkatan yang drastik dari segi pertanyaan yang diterima berkaitan dengan perkhidmatan ini. Memandangkan unit ini baru beberapa tahun ditubuhkan dan praktis mendaftar hak cipta masih baru di UIAM, pustakawan sering ditanya tentang proses pendaftaran hak cipta. Kebanyakan penyelidik ingin mengetahui tentang bahan penulisan apakah yang boleh diterima dan didaftarkan untuk mendapat lesen. Bagi MyIPO, terdapat tujuh kategori karya yang boleh didaftarkan seperti karya sastera, seni, muzik, filem, rakaman bunyi, siaran dan terbitan.


Tidak kurang juga penyelidik meminta khidmat nasihat tentang cara menyediakan penulisan yang memenuhi kriteria MyRA. Selain itu, pustakawan juga membantu para penyelidik untuk merekodkan data permohonan pendaftaran hak cipta mereka ke dalam sistem dalaman UIAM yang dikenali sebagai Research Management System Version 2 (RMSv2).

Dengan bantuan dan panduan yang diberikan oleh pustakawan telah memudahkan proses pendaftaran hak cipta sekaligus penyelidik berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh perpustakaan. Hal ini dapat dibuktikan dengan maklum balas yang diterima oleh Unit Hak Cipta daripada penyelidik.

Garis Panduan Pendaftaran Hak Cipta

Para penyelidik umumnya ingin mengetahui prosedur permohonan hak cipta dan kriteria bahan apakah yang boleh didaftarkan sebagai hak cipta. Berpanduan SOP yang telah dihasilkan oleh perpustakaan, langkah khidmat nasihat dan beberapa poster garis panduan yang dipamerkan telah membantu dan memberi informasi kepada para penyelidik. Bagi para penyelidik, mereka perlu menghadiri persidangan bersama inovasi mereka, justeru para penyelidik memerlukan permohonan mereka segera diproses sebelum persidangan berlangsung. Sikap komited kakitangan perpustakaan untuk menguruskan permohonan penyelidik ke MyIPO dengan segera menunjukkan adanya saling percaya mempercayai antara penyelidik dan kakitangan perpustakaan.

Rentetan daripada itu, beberapa penambahbaikan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan antaranya ialah menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) . Perpustakaan Dar al-Hikmah menghasilkan prosedur dan panduan untuk permohonan hak cipta yang mana dapat memudahkan proses kerja sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambarajah di bawah, perkhidmatan ini berjalan dengan sangat lancar.



Rajah 6: Prosedur Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta

Di samping itu, beberapa siri bengkel yang diadakan oleh perpustakaan telah dihadiri oleh penyelidik di mana pasukan memberikan khidmat nasihat dan membuka ruang bertukar-tukar pendapat dalam menambah baik sistem perkhidmatan. Hal ini dibuktikan dengan 20 bengkel telah dilaksanakan sepanjang dua tahun, iaitu dari tahun 2022 hingga tahun 2023 seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

No	Kuliyah	Date
1	International Institute for Halal Research and Training	8 February 2022
2	Kuliyah of Education	15 February 2022
3	Kuliyah of Economics & Management Sciences	25 March 2022
4	Kuliyah of Dentistry	23 June 2022
5	Kuliyah of Medicine	30 June 2022
6	Kuliyah of Pharmacy & Kuliyah of Science	5 July 2022
7	Kuliyah of Sustainable Tourism and Contemporary Languages	14 July 2022
8	Kuliyah of Allied Health Sciences	15 July 2022
9	Kuliyah of Nursing	5 August 2022
10	Ahmad Ibrahim Kuliyah Of Laws	1 September 2022
11	Kuliyah of Engineering	27 September 2022
12	Kuliyah of Information and Communication Technology	3 October 2022
13	Kuliyah of Architecture and Environmental Design	6 September 2023
14	Kuliyah of Economics & Management Sciences	21 July 2023
15	Research Management Centre	11 August 2023
16	IUM Institute of Islamic Banking & Finance	7 August 2023
17	Kuliyah of Education	6 September 2023
18	Kuliyah of Pharmacy	11 September 2023
19	Kuliyah of Information and Communication Technology	20 October 2023
20	Ahmad Ibrahim Kuliyah Of Laws	1 December 2023

Jadual 3: Bengkel yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 sehingga tahun 2023

Bengkel-bengkel yang diadakan ini telah dihadiri dengan aktif oleh para penyelidik yang terdiri daripada pensyarah dan mahasiswa UIAM dari pelbagai bidang. Di dalam bengkel ini pustakawan dari Bahagian Sokongan Penyelidikan telah membuat perkongsian yang berharga dan memberi peluang yang luas kepada para peserta untuk melontarkan pandangan serta idea yang bernas.

Program sebegini tidak hanya berfungsi sebagai platform untuk membincangkan isu-isu semasa dan cabaran dalam sistem perkhidmatan perpustakaan, tetapi juga sebagai kesempatan untuk menyelidik dan memperkenalkan pendekatan-pendekatan baru dalam meningkatkan kualiti dan keberkesanan sistem perkhidmatan. Melalui sesi-sesi interaktif ini, pelbagai pandangan dan cadangan yang konstruktif telah dikumpulkan, seterusnya menyumbang kepada usaha berterusan untuk memperbaiki dan menyempurnakan sistem perkhidmatan perpustakaan demi memenuhi keperluan penyelidik dan pengguna dengan lebih baik supaya terlihat relevan sepanjang zaman.

Maklum Balas Positif

Hasil maklum balas daripada penyelidik melalui e-mel dan aplikasi *WhatsApp*, penulis mendapati perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan telah menerima reaksi yang baik dan penyelidik berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Rata-rata penyelidik memberi ucapan penghargaan atas sokongan penyelidikan, khidmat nasihat, panduan, dan perkhidmatan yang disalurkan. Suasana ini menggambarkan bahawa sumbangan yang ditawarkan oleh kakitangan perpustakaan memberi impak yang tinggi kepada kepuasan pelanggan. Beberapa ucapan penghargaan daripada penyelidik ditunjukkan seperti di dalam gambarajah di bawah.

"Alhamdulillah, it is completed now. Thanks for your hard work and dedication on this. I am so very grateful for your help and support. May Allah bless you and keep continuing bless you always with peace and happiness in this dunya and here after. Thank you."

- Asst. Prof. Dr. Hasniza Ibrahim (Kulliyyah of Education)

"Thank you for your advice. I will do the needful and ask my team members to submit accordingly."

- Assoc. Prof. LAr. Dr. Khalilah Zakariya (Kulliyyah of Architecture and Environmental Design)

"Received with many thanks. I am grateful for your assistance in this matter. Have a good day."

- Asst. Prof. Dr. Hidayatul Radziah Ismawi (Kulliyyah of Medicine)

"Alhamdulillah. Thank you for your kind help. May Allah bless you & your team."

- Assoc. Prof. Dr. Zuraini Ab Hamid (Ahmad Ibrahim Kulliyyah Of Laws)

"Thank you so much for your notification. Your assistance in this matter is greatly appreciated!"

- Asst. Prof. Dr. Nurulwahida Saad (Kulliyyah of Allied Health Sciences)

Rajah 3: Maklum balas daripada penyelidik UIAM atas perkhidmatan yang memuaskan
Rajah 3 di atas menunjukkan maklum balas yang diterima oleh pustakawan dan petugas perpustakaan yang menawarkan perkhidmatan pendaftaran hak cipta kepada para penyelidik. Maklum balas ini diberikan secara sukarela kepada pihak yang terlibat selepas para penyelidik berpuas hati dengan bantuan yang dihulurkan oleh pihak perpustakaan. Ini menunjukkan kepakaran pustakawan sentiasa diperlukan oleh para penyelidik dalam memudahkan urusan para penyelidik UIAM.

Para penyelidik tidak pernah kedekut dengan ucapan penghargaan kepada pustakawan yang banyak membantu memudahkan urusan pendaftaran hak cipta. Mereka tidak perlu lagi bersusah payah hadir ke MyIPO untuk mendapatkan lesen hak cipta. Semuanya diuruskan oleh pustakawan dan pembantu perpustakaan selepas menerima segala dokumen yang diperlukan. Ini menunjukkan perkhidmatan perpustakaan tidak pernah lapuk ditelan zaman. Bagi penulis, penghargaan ini diberikan sebagai pengiktirafan terhadap khidmat cemerlang pustakawan dalam memudahkan urusan para penyelidik di UIAM.

"Dear Copyright Unit team, Many thanks for your email. I really appreciate it."
 - Asst. Prof. Dr. Siti Nurnadilla Mohamad Jamil (AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences)

"Dear Copyright Unit Team, Thank you very much. Well received."
 - Asst. Prof. Ts. Dr. Amal A.M. Elaharbawy (International Institute for Halal Research and Training)

"Dear Copyright Unit Team. Thank you for the certificate. I really appreciate your effort."
 - Asst. Prof. Dr. Nour El Huda Abd Rahim (Kulliyah of Medicine)

"Dear Copyright Unit Team, Thank you for the certificate."
 - Asst. Prof. Dr. Muhamad Shirwan Abdullah Sani (International Institute for Halal Research and Training)


"Dear Copyright Unit, Alhamdulillah, thank you for the notification and assistance."
 - Assoc. Prof. Ts. Dr. Muhammad Salahuddin Haris (Kulliyah of Pharmacy)

Rajah 4: Maklum balas daripada penyelidik UIAM secara khusus kepada Unit Hak Cipta

Rajah 4 di atas dengan jelas menunjukkan penghargaan khusus kepada Unit Hak Cipta atas sumbangan dalam menguruskan pendaftaran hak cipta, di mana seorang pustakawan yang mengetuai unit ini dan dua orang pembantu perpustakaan sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat terbaik kepada para penyelidik.

Hasil daripada perkhidmatan ini, jaringan hubungan baik antara perpustakaan dan pensyarah di fakulti dapat dibina dengan jayanya. Para penyelidik kini mampu menarik nafas lega kerana perkhidmatan ini membolehkan mereka memberi fokus yang kepada pengajaran dan penyelidikan tanpa perlu risau tentang urusan untuk menyelesaikan pendaftaran hak cipta.

Hal ini juga menunjukkan komunikasi yang baik antara kakitangan perpustakaan dan pihak akademik sangat penting dalam memberi kesedaran tentang keselamatan data, harta intelek dan penerbitan yang dihasilkan. Perkhidmatan ini turut memberi impak yang besar dalam kerja berpasukan antara kakitangan perpustakaan. Perkara ini terbukti apabila permohonan hak cipta daripada penyelidik berjaya diproses dengan jayanya.



Rajah 5: Maklum balas daripada penyelidik UIAM atas bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh pustakawan

Penghargaan sebegini meningkatkan lagi profil pustakawan yang terlibat. Secara tidak langsung, pustakawan juga lebih bersemangat untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan sekaligus mengangkat imej perpustakaan kerana mampu kekal relevan dalam menawarkan perkhidmatan kepada komuniti UIAM.

Hal ini dilihat sebagai pengiktirafan tidak tertakluk kepada kepakaran pustakawan sebagai rakan kongsi strategik dalam penyelidikan tetapi juga kemahiran komunikasi yang tinggi dalam berurusan dengan pelbagai pihak.

Semua pencapaian dan sumbangan ini telah memberikan impak yang amat signifikan kepada kerjaya pustakawan serta kepada perpustakaan sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam masyarakat. Impak tersebut bukan sahaja memperkukuh kedudukan pustakawan sebagai profesional yang dihargai dalam bidang mereka, tetapi juga meningkatkan peranan perpustakaan dalam menyokong perkembangan pengetahuan, pendidikan, dan penyelidikan. Kepentingan ini kekal relevan dan berterusan, tidak kira zaman atau perubahan dalam landskap teknologi maklumat.

KESIMPULAN

Pengurusan hak cipta data penyelidikan merupakan aspek kritikal dalam era digital yang semakin berkembang, khususnya bagi institusi akademik seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Dalam konteks ini, Perpustakaan Dar al-Hikmah memainkan peranan yang amat penting dalam melindungi dan mengurus hak cipta data penyelidikan yang dihasilkan oleh ahli akademik dan penyelidik universiti. Melalui kajian mendalam dan pendekatan kualitatif, kertas kerja ini telah menjelaskan konsep hak cipta dalam konteks data penyelidikan, menilai tanggungjawab perpustakaan, serta menyoroti inovasi dan adaptasi yang diambil dalam mengurus data penyelidikan.

Perpustakaan Dar al-Hikmah telah membuktikan komitmennya dalam melindungi hak cipta

data penyelidikan melalui pelbagai pendekatan inovatif. Antaranya termasuk perkhidmatan pendaftaran hak cipta dan pengurusan rekod data bagi memastikan hak cipta penyelidik terpelihara. Melalui penyediaan panduan dan sokongan kepada ahli akademik dan penyelidik mengenai hak cipta dan pengurusan data, perpustakaan ini telah berjaya memainkan peranannya dengan berkesan dalam mengurus hak cipta dan melindungi hasil penyelidikan.

Selain itu, perpustakaan ini juga telah menunjukkan kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam persekitaran digital. Strategi yang diambil untuk meningkatkan kecekapan pengurusan hak cipta dalam konteks digital telah membantu perpustakaan ini mencapai tahap kecemerlangan yang diinginkan. Pendekatan adaptif ini bukan sahaja memperkukuhkan peranan perpustakaan dalam mengurus hak cipta tetapi juga memastikan bahawa ia terus relevan dan berkesan dalam menghadapi cabaran masa depan.

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa Perpustakaan Dar al-Hikmah telah mencapai kejayaan yang signifikan dalam pengurusan hak cipta data penyelidikan. Impak positif yang dihasilkan tidak hanya dirasakan oleh komuniti penyelidik di UIAM tetapi juga berpotensi memberi inspirasi kepada perpustakaan lain untuk mengikuti langkah-langkah inovatif yang telah diambil. Dalam memastikan pengurusan hak cipta yang efektif, perpustakaan ini bukan sahaja melindungi hak penyelidik tetapi juga memastikan integriti dan aksesibiliti data penyelidikan untuk masa hadapan.

Secara keseluruhannya, pengurusan hak cipta data penyelidikan oleh Perpustakaan Dar al-Hikmah, UIAM, adalah satu contoh unggul bagaimana perpustakaan boleh memainkan peranan penting dalam era digital ini. Dengan pendekatan yang inovatif dan adaptif, perpustakaan ini telah mencapai kecemerlangan dalam melindungi hak cipta dan mengurus data penyelidikan. Kesimpulannya, peranan perpustakaan dalam mengurus hak cipta data penyelidikan adalah signifikan dan perlu diambil serius untuk memastikan kemajuan penyelidikan akademik yang berterusan dan berdaya saing.

RUJUKAN

Awasthy, R., Flint, S., Sankarnarayana, R., & Jones, R. L. (2020). A framework to improve university–industry collaboration. *Journal of Industry-University Collaboration*, 2(1), 49–62. <https://doi.org/10.1108/jiuc-09-2019-0016>

Carian Umum - Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Available at: <https://prpm.dbp.gov.my/> (Accessed: 01 August 2024).

Dasar Harta Intelek Negara. Available at: <https://www.kpdn.gov.my/ms/info-korporat/dasar> (Accessed: 01 August 2024).

Malliari, A., Nitsos, I., Zapounidou, S., & Doropoulos, S. (2023). Copyright implications for the aggregation of audiovisual content in Greece. *Digital Library Perspectives*, 39(2), 131–144. <https://doi.org/10.1108/DLP-04-2022-0033>

Moonasar, A. (2024). Continuing professional development and the changing landscape of academic libraries. *Library Management*, 45(3/4), 226–242. <https://doi.org/10.1108/lm-09-2023-0100>

Nguyen, T. T., Duong, T. H., Dinh, M. T. T., Pham, T. H. H., & Truong, T. M. A. (2024). The impact of trust on intellectual property right protection: a cross-national study. *Journal of Economics and Development*, 26(1), 67–80. <https://doi.org/10.1108/JED-05-2021-0063>

Ran, C., Song, K., & Yang, L. (2021). University libraries provide intellectual property information service in China: theoretical framework and system development. *Journal of Industry-University Collaboration*, 3(1), 15–34. <https://doi.org/10.1108/jiuc-10-2020-0008>

Shahidan, N. H., Abdul Latiff, A. S., & Abdul Wahab, S. (2023). Sustainable technology development during intellectual property rights commercialisation by university startups. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 17(3/4), 176–194. <https://doi.org/10.1108/apjie-07-2023-0142>

Stevens, K. (2015). *The Evolving Role of Librarians on the 21st Century Campus - Part One* / ACS Publications Chemistry Blog. <https://axial.acs.org/publishing/the-evolving-role-of-librarians-on-the-21st-century-campus-part-one>

Sustainable technology development during intellectual property rights commercialisation by university startups. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 17(3/4), 176–194. <https://doi.org/10.1108/apjie-07-2023-0142>

The Official Portal of Intellectual Property Corporation of Malaysia. Available at: <https://www.myipo.gov.my/en/home/> (Accessed: 01 August 2024).